

MAHATHIR-PERTEMUAN 2

1982

MELAKA, 18 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN KEPADA PARA PENULIS SUPAYA MENERGAKKAN USAHA KE ARAH "PANDANG DUNIA" MELAYU YANG DINAMIS. BELIAU BERKATA PARA PENULIS PERLU LAH MENGGUNAKAN DAYA PENULISAN DAN DAYA KREATIF BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI UNTUK MENEBUS KEMBALI MARUAH MELAYU SEBAGAI SATU RUMPUN BANGSA YANG BERKEPERIBADIAN TINGGI DAN BERUPAYA MAJU DALAM SEMUA BIDANG.

"INILAH YANG PERLU MENJADI TERAS "PANDANGAN DUNIA". KITA TIDAK HARUS LAGI TERPERANGKAP SEBAGAI "KATAK DISAWAH TEMPURUNG". KITA PERLU BERPIJAK DI DUNIA NYATA DAN MENCARI KEMULIAAN BERTA KEMAJUAN DI DUNIA NYATA YANG MENCABAR", KATANYA.

BERUCAP MERASMIKAN PERTEMUAN DUNIA MELAYU 82 DI DURIAN DAUN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA SEKARANG SETELAH MERDEKA "KITA PERLU MEMBEBAHKAN DIRI KITA DARI SEGALA RUPA BENTUK PENGARUH YANG MELEMAHKAN KITA".

"KITA PERLU MEMUPUK SEMULA NILAI DAN KEPERIBADIAN MELAYU KITA YANG MEMPUNYAI DINAMISHENYA SENDIRI," TEGASNYA.

-- LAGI 1250/LK

MAHATHIR-PERTEMUAN 2 MELAKA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENULIS MESTILAH MEMPUNYAI DORONGAN UNTUK MEMUPUK DAN MEMBANGKITKAN NILAI-NILAI MULIA DI KALANGAN BUKU KETURUNAN MELAYU.

BELIAU BERKATA SUMBANGAN PENULISAN INI, SAMA ADA DARI SEGI PENULISAN SEJARAH, PUISI, NOVEL, CERPEN, PENYELIDIKAN DAN LAIN-LAIN, MESTILAH AKHIRNYA MENJADI DAYA PENGGERAK "DUNIA MELAYU BARU" YANG MENYUMBANGKAN KEMAJUAN DI SETIAP CERUK RANTAU DI MANA JUGA KETURUNAN MELAYU BERADA.

PERDANA MENTERI BERKATA "DUNIA MELAYU" MEMPUNYAI SEJARAH GEMILANG SEBELUM KEDATANGAN KUASA-KUASA ASING KE RANTAU INI YANG TELAH MEMSANGI-BAHAGIKANNYA.

"DUNIA MELAYU" DALAM SEJARAH MERUPAKAN PUSAT PERADABAN YANG TINGGI DAN PUGAT PERDAGANGAN YANG PENTING.

KATANYA, KEDATANGAN KUASA-KUASA BARAT TIDAK SAHAJA TELAH MELENYAPKAN "DUNIA MELAYU" DARI LEMBARAN SEJARAHNYA YANG GEMILANG TETAPI MENONDAI "PANDANGAN DUNIA" MELAYU HINGGAKAN "DUNIA MELAYU" MERUPAKAN INTERPRETASI MENGIKUT KACA MATA PENJAJAH.

-- LAGI 1254/LK

MAHATHIR-PERTEMUAN 3 MELAKA

"BUKAN SAHAJA KITA TELAH DIJAJAH DARI SEGI POLITIK, DAN DENGAN PUTAR BELITNYA DIPERAS PULA DARI SEGI EKONOMI, MALAHAN CARA PEMIKIRAN DAN NILAI-NILAI KITA TELAH DISOGOK DENGAN PENDAPAT DAN NILAI-NILAI MEREKA, MENYEBABKAN "DUNIA MELAYU" HAMPIR HILANG IDENTITINYA DAN HAMPIR LENYAP DARI SEJARAH," TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, "KITA TIDAK BOLEH MENGUBAH SEJARAH TETAPI BOLEH MENGUBAH NASIB KITA."

ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB ORANG MELAYU UNTUK MEMELIHARA WARISAN MELAYU SEBAGAI WARISAN PERADABAN MASYARAKAT DUNIA YANG PROGRESIF.

DALAM HAL INILAH PARA PEJUANG BUDAYA DAN BAHASA DIBEBAHKAN DENGAN SATU TUGAS YANG AMAT MENCABAR. USAHA INI MESTILAH DILAKSANAKAN DALAM RANGKA GEO-POLITIK YANG WUJUD SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA "KERUNTUHAN +DUNIA MELAYU+ BUKANLAH KERANA NENEK MOYANG KITA TIDAK BERSEHMANGAT DAN TIDAK BERANI. IA BERLAKU KERANA KITA BERHADAPAN DENGAN BANGSA YANG LEBIH TINGGI ILMU PENGETAHUAN DAN TEKNOLOGINYA DARIPADA KITA."

ZCZC 85323

MAHATHIR-PERTENJUAN 4 MELAKA

"INI BERLAKU KERANA KITA DITIPU MELAKKAN DAN KITA DISEMAIKAN DENGAN BIBIT-BIBIT PERPECAHAN SUPAYA KITA TIDAK BOLEH BERSATU PADU.

"DENGAN CARA HALUS BANGSA ASING TELAH DAPAT MENGUASAI FIKIRAN KITA HINGGA KITA MEMANDANG RENDAH KEPADA DIRI KITA SENDIRI DAN KEPADA APA SAHAJA YANG ADA PADA DIRI KITA."

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENJAJAH LEBIH MENONJOLKAN KEBUDAYAAN, SUPAYA RAKYAT LEBIH MEMENTINGKAN SENI DAN BUDAYA, WARISAN DAN SEJARAH, SEMENTARA ILMU PENGETAHUAN, EKONOMI DAN POLITIK DIPISARKAN SUPAYA TIDAK DIBERI PERHATIAN AGAR RAKYAT LEHAH.

RAKYAT JUGA DIBOGOKKAN DENGAN NILAI-NILAI DAN KEBUDAYAAN MEREKA SUPAYA RAKYAT AKHIRNYA HILANG IDENTITI, DAN MENYANJUNG TINGGI APA YANG ADA PADA MEREKA.

MENYENTUH "DUNIA MELAYU" DALAM KONTEKS YANG LEBIH KHUSUS IAITU KONTEKS NEGARA MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA PERBINCANGAN TENTANG BUDAYA HARUS BEBAS DARI SEGALA PRANGSANGKA POLITIK, KERANA KEBUDAYAAN ADALAH KESELURUHAN MANIFESTASI PEMIKIRAN DAN NILAI MULIA SESUATU MASYARAKAT.

TETAPI HARAPAN INI TIDAK MUNGKIN BERLAKU LAGI DALAM KEADAAN SEKARANG DI MANA KEBUDAYAAN SELALUNYA DITIUP DENGAN SEMANGAT POLITIK YANG RUMIT DAN SENBITIF. HAL INI AMAT JELAS DALAM PERCATURAN POLITIK DI BEBERAPA NEGARA BARU.

-- LAGI 1309/LK

MAHATHIR-PERTEMUAN 5 MELAKA

PERDANA MENTERI BERKATA, MASALAH INI JUGA WUJUD DI MALAYSIA. PEMBINAAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN BERHUBUNG LANGSUNG DENGAN PERPADUAN NASIONAL DAN PEMBENTUKAN KEPERIBADIAN NASIONAL SERASAKAN KEHIDUPAN RAKYAT BERDAGAI KETURUNAN, AGAMA DAN KEBUDAYAAN YANG SAMA SEKALI BERLAINAN.

'TETAPI KITA TELAH DAPAT MELETAKKAN BEBERAPA ASAS, SEMASA KITA MENCAPAI KEMERDEKAAN, YANG MENJADI BEBAN KITA SEKARANG IALAH PERLAKSANAANNYA,' KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG BERTERASKAN KEBUDAYAAN RAKYAT ABAL RANTAU INI, YANG MENERIMA ASIMILABI UNSUR-UNSUR BUDAYA ASING, DAN MENJADIKAN ISLAM SEBAGAI UNSUR PENTING BUKANLAH SESUATU YANG BARU TETAPI TELAH BERLAKU SEJAK RATUSAN TAHUN.

PERBEZAANNYA IALAH PERKEMBANGAN DI MASA LALU BERLAKU TANPA TINDAKAN DAN PERANCANGAN, HINGGA IKUT TERBERAP UNSUR-UNSUR YANG TIDAK MEMBANTU DAN TIDAK DIINGINI SERTA MENGHALANG PERTUMBUHAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG WAJAR, YANG BOLEH MEMBENTUK SATU BANGSA MALAYSIA YANG KUAT DAN BENAR-BENAR SETIA KEPADA MALAYSIA.

-- LAGI 1314/LK

ICIC 8514

MAHATHIR-PERTEMUAN 6 MELAKA

PERDANA MENTERI BERKATA SEMASA NEGARA MEMBUAT PERSIAPAN KEMERDEKAAN, RAKYAT SEMUA TELAH BERBETUJU ANTARA LAIN BAHAWA PERPADUAN DAN KEUTuhan BANGSA AKAN DIBINA DAN DIPUPUK MELALUI SATU BAHASA -- BAHASA KEBANGSAAN DAN SATU KEBUDAYAAN -- KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG BERTERASKAN BUDAYA RAKYAT ABAL.

YANG DEKIAN KONSEP KEBUDAYAAN KEBANGSAAN TIDAK TIMBUL LAGI SAMA SEPERTI PERSOALAN BAHASA KEBANGSAAN, TEGASNYA.

YANG MENJADI PERSOALAN HANYALAH USAHA DAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGISI KONSEP INI BAGI KEPENTINGAN HIDUP BERSAMA, KATANYA.

JIKA KITA INGINKAN SEBUAH NEGARA AMAN MAKMUR DENGAN RAKYAT DAMAI BAHAGIA, BAHASA DAN BUDAYA TIDAK HARUS DIJADIKAN ISU POLITIK YANG HANYA MENGUNTUNGAN GOLONGAN ANTI PERPADUAN DAN YANG TAAT SEYIANYA BOLEH DIRAGUKAN.

PERTEMUAN DUNIA MELAYU INI YANG DINADIRI OLEH KIRA-KIRA 300 PESERTA DAN PEMERHATI DARI NEGARA-NEGARA ASEAN, BRUNEI DAN SRI LANKA MENDINCANGKAN 14 KERTAS KERJA MENGENAI BUDAYA MELAYU 25 TAHUN LALU DAN GASTERA MELAYU DI ASIA TENGGARA.

IA DIADAKAN SEMPENA 25 TAHUN MERDEKA DAN ULANGTAHUN KE 25 KONGRESS KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG PERTAMA DI MELAKA ANTARA YANG TURUT HADER DI UPACARA PERASHIAN IALAH KETUA MENTERI ENCIK ABDUL RAHIM DATUK THAMBY CHIK, SPEAKER DEWAN NEGERI DATUK ABDUL RAZAK ALIAS, KETUA PENSARAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DATUK HAJI HASSAN AHMAD DAN KETUA SATU GAPENA PROF. DATUK ISMAIL HUSSEIN.

-- BERMANA 1327/LK